

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 7 OKTOBER 2017

MUKA SURAT: 09

Wajib APDL sebelum siar iklan

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Syarikat pemaju hartanah wajib mengemukakan Permit Iklan dan Lesen Pemaju (APDL) di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) kepada media sebelum diberi kebenaran menyiarkan iklan penjualan projek perumahan di negara ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, permit tersebut yang boleh dipohon daripada kementerian dapat memastikan tiada unsur penipuan dalam sebarang urusan jual beli rumah.

Sehubungan itu, katanya, kementerian akan mengeluarkan surat pekeliling kepada syarikat media tentang garis panduan tentang penyiaran iklan tersebut.

"Media perlu lihat APDL pemaju yang ingin menyiarkan iklan mereka. Ianya dikenakan jika ingin menjual lebih empat buah rumah kerana kita tidak mahu ada unsur penipuan.

"Kerajaan sangat serius terhadap pihak atau syarikat yang mengambil kesempatan dengan menawarkan harga rumah mampu milik. Ada sebahagian yang guna nama



NOH OMAR bertanya sesuatu mengenai replika projek perumahan yang dipamerkan selepas merasmikan program MyRumah 2017 di The Curve Damansara dekat Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID

pemimpin atau wakil rakyat dan masyarakat lebih mudah terpedaya jika syarikat ini gunakan media atau program khas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan MyRumah 2017 anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd. (NSTP) di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai

Eksekutif NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid dan Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, K. N. Jayaselan.

Noh berkata, kementeriannya juga akan menyediakan pinjaman perumahan sebanyak RM60,000 dan kemudahan mendapatkan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada mangsa penipuan skim pembelian rumah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN